

Dana wakaf jadi sumber biaya

Daripada WAN NAJIB WAN DAUD
najib.daud@utusan.com.my

LABUAN 6 Nov. - Dana wakaf yang sebelum ini lebih cenderung digunakan untuk tujuan pembinaan dan penyelenggaraan bangunan agama, berpotensi untuk dijadikan alternatif kepada sumber pembiayaan dan mekanisme pengagihan kekayaan yang baru.

Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah bertitah, usaha mempelbagaikan kegunaan dana kebajikan Islam itu sejajar dengan perkembangan sektor kewangan Islam di negara ini yang menuntut peserta industri melakukan perubahan positif demi kemajuan instrumen kewangan Islam itu sendiri.

"Dari sudut ekonomi, wakaf boleh dijadikan sebagai mekanisme simpanan pelaburan yang mana dana itu boleh diubah daripada tujuan perbelanjaan untuk dilaburkan dalam aset yang produktif yang boleh menyediakan pendapatan bagi kegunaan pada masa depan," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Siri Syarahan Kewangan Islam Antarabangsa Labuan Keempat anjuran Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Lofsa), di sini hari ini.

Raja Nazrin yang juga Duta Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) menyampaikan syarahannya bertajuk *The Road Ahead for Islamic Finance*.

Menurut baginda, jika dana wakaf itu dilaburkan bagi tujuan menjana pendapatan, ia boleh digunakan bagi pelbagai tujuan lain seperti pembinaan hospital, universiti dan kompleks komersial.

Selain itu dana wakaf juga boleh digunakan bagi tujuan pembiayaan mikro.

Raja Nazrin bertitah, penggunaan instrumen wakaf dengan cara yang inovatif seperti itu boleh membantu dana kebajikan itu merungkai potensi ekonomi yang ada padanya, selain dapat mencapai matlamat murni dana itu sendiri.

Titahnya, jika tidak dilakukan sebegitu, wakaf tersebut seolah-olah seperti tidak diiktiraf potensinya dalam aspek berkenaan.

"Saya yakin, pemodenan struktur wakaf itu yang telus dan responsif mampu menyaingi institusi kebajikan Barat," titah baginda.

Baginda menambah, sebarang inovasi dalam kewangan Islam, perlu dipastikan supaya tidak menghapuskan keaslian prinsip syariah yang ada padanya.

Selain itu, Raja Nazrin bertitah, cabaran yang sedang dihadapi sektor kewangan Islam kini adalah mengukuhkan lagi penerimaannya bukan saja di kalangan komuniti Muslim tetapi juga di kalangan dunia bukan Islam, terutama di era selepas krisis ekonomi global.

"Krisis kewangan global telah membuka peluang kepada kewangan Islam untuk menonjolkan kelebihan yang ada padanya. Ini seterusnya membuka cabaran baru yang besar iaitu untuk mendalami lagi penerimaannya," titahnya.

Baginda bertitah, langkah mengembangkan sektor kewangan Islam di negara Islam saja, sudah menyediakan peluang pasaran yang besar.

"Penduduk Muslim merangkumi 20 peratus daripada jumlah penduduk dunia, tetapi kewangan Islam meliputi kurang daripada satu peratus daripada instrumen kewangan global.

"Di negara yang mana sektor kewangan Islamnya adalah sangat maju seperti di Malaysia dan Arab Saudi, aset konvensional itu jauh lebih banyak daripada aset berlandaskan syariah," titahnya.

Cabaran lain yang sedang dihadapi sektor kewangan Islam adalah mencapai keseragaman dalam pelaksanaan prinsip dan amalan instrumen kewangan Islam di pelbagai negara di dunia.

"Isu keseragaman ini telah banyak diperkatakan dan usaha juga sudah dijalankan bagi mencapai matlamat itu. Langkah ke arah mencapai keseragaman itu sudah meningkat dan dijangka menjadi lebih giat pada masa depan. Namun, lebih banyak usaha perlu dilakukan," titahnya.